



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AKTIVITI SENI BAGI MENGURANGKAN MASALAH TINGKAH LAKU KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.

MUSHNI BIN HASHIM



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AKTIVITI SENI BAGI MENGURANGKAN MASALAH
TINGKAH LAKU KANAK-KANAK
BERMASALAH PEMBELAJARAN**

MUSHNI B. HASHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/P/S/3/60/32
Pnd : 00 m/s : 1/1

Sia tanda (M)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Faaliyah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 8 April 2021.

i. Perakuan pelajar:

Saya, MUSHNI BIN HASHIM . M 20142001925 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/test yang bertajuk AKTIVITI SENI BAGI MENGURANGKAN MASALAH TINGKAH LAKU KANAK - KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa perikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ABD RAHIM RAZALLI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AKTIVITI SENI BAGI MENGURANGKAN MASALAH TINGKAH LAKU KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

6 SEPTEMBER 2021

Tarikh

PROF. MADYA DR. ABDUL RAHIM RAZALLI
 Jelan
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tandatangan Penyelia



JUNIOR LIBRARIAN UNIT
Pnd. 01 ms 1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: AKTIVITI SENI RAGI MENGURANGKAN MASALAH
TINGKAH LARU KANAK-KANAK BERMAA LAH
PEMBELAJARAN

No. Matrik / Matric's No.: M 20142001925

Saya / I: MUHAMMAD RASHID
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-



1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdampah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dilakukan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

PROF. MADIA DB. ABDUL RAHIM RAZALLI

Dean

FATIH PEMERINTAHAN MARA

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 26.8.2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajibhan organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali-sebab dan tempoh laporan ini perlu diketahui sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with point and reasons for confidentiality or restriction.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

iv

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan teimakasih kepada semua pihak yang membantu dan memudahkan penghasilan penulisan ini terutamanya kepada penyelia, rakan setugas dan seterusnya kepada isteri dan anak anak yang memahami



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah aktiviti seni sebagai intervensi untuk mengurangkan masalah tingkah laku kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tingkah laku, jenis aktiviti seni yang sesuai dan kesan intervensi terhadap kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan tiga orang kanak-kanak bermasalah pembelajaran dan dua orang guru pendidikan khas di kelas integrasi pendidikan khas di Sungai Petani. Tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu senarai semak tingkah laku, protokol temubual dan laporan sesi intervensi. Sebanyak enam kali pemerhatian telah dilaksanakan dan melalui kaedah ini di dapat masalah tingkah laku utama antaranya sukar mengekalkan tumpuan, mudah terganggu, sukar memberikan kerjasama, kurang berinteraksi dengan orang lain. Dapatan pemerhatian juga telah menunjukkan responden bertingkah laku positif selepas sesi intervensi dijalankan. Dokumen yang dianalisis menunjukkan aktiviti mewarna ketulan batu dapat membantu kanak-kanak bermasalah pembelajaran bertingkah laku positif. Kesimpulan kajian telah menunjukkan penggunaan kaedah aktiviti seni sebagai intervensi dapat mengurangkan masalah tingkah laku kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan aktiviti seni sesuai di aplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran bagi menggalakkan mereka bertingkah laku positif.





ART ACTIVITIES TO REDUCING BEHAVIORAL PROBLEMS OF CHILDREN WITH LEARNING DISABILITIES

ABSTRACT

This study aims to examine the method of art activities as an intervention to reduce the behavioral problems of children with learning difficulties. The objective of the study was to identify behaviors, appropriate types of art activities and the impact of interventions on children with learning disabilities. A qualitative approach with case study design was used in this study. The selection of study respondents was conducted by sampling aimed at involving three children with learning disabilities and two special education teachers in the special education integration class in Sungai Petani. Three types of study instruments were used, namely behavioral checklists, interview protocols and intervention session reports. A total of six observations have been done and through this method it is found that the main behavioral problems include difficult to maintain focus, easily distracted, difficult to cooperate, less interact with others. Observational findings have also shown that respondents behaved positively after the intervention session. The documents analyzed show that the activity of coloring the lumps of stones can help children with learning disabilities behave positively. The conclusion of the study has shown that the use of art activity methods as an intervention can reduce the behavioral problems of children with learning difficulties. The results of this study show that appropriate art activities are applied in the teaching and learning process of students with learning difficulties to encourage them to behave positively.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Terhadap Murid Murid	12
1.7.2 Terhadap Guru	13
1.7.3 Terhadap Ibu Bapa	13
1.8 Batasan Kajian	14





1.9	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.10	Definisi Operasional	17
1.10.1	Aktiviti	17
1.10.2	Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran	19
1.10.3	Tingkah Laku Sosial	22
1.11	Kesimpulan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran	26
2.3	Teori Asas Kajian	28
2.3.1	Teori Tingkah Laku Skinner	29
2.3.2	Teori Perkembangan Artistik Lowenfeld	31
2.4	Kajian Lalu	34
2.5	Kesan Aktiviti Mewarna Dalam Seni	42
2.6	Kesan Aktiviti Melukis Dalam Seni	43
2.7	Kesimpulan	45



BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	46
3.2	Rekabentuk Kajian	46
3.3	Sampel Kajian	49
3.3.1	Sampel Murid Bermasalah Pembelajaran	50
3.3.2	Sampel Guru Pendidikan Khas	51





3.4	Lokasi Kajian	52
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	52
3.5.1	Kaedah Pemerhatian	54
3.5.2	Kaedah Temubual	55
3.5.3	Kaedah Analisis Dokumen	56
3.5.4	Triangulasi Data	56
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	57
3.7	Instrumen Kajian	58
3.7.1	Senarai Semak Interaksi Sosial	58
3.7.2	Soalan Temu Bual Guru	61
3.7.3	Laporan Sesi Aktiviti	63
3.7.4	Kaedah Analisis Data	63
3.8	Kajian Rintis	64
3.9	Pengesahan Pakar	65
3.10	Laporan Sesi Intervensi	67
3.11	Kesimpulan	67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	68
4.2	Demografi Responden	69
4.2.1	Latar Belakang Responden M1	69
4.2.2	Latar Belakang Responden M2	70
4.2.3	Latar Belakang Responden M3	70
4.3	Dapatan Kajian	70





4.4	Soalan Kajian 1	71
4.4.1	Analisis Dapatan Pemerhatian	72
4.4.2	Analisis Dapatan Temubual	74
4.4.3	Analisis Dapatan Laporan Sesi Aktiviti	80
4.5	Soalan Kajian 2	89
4.5.1	Laporan Kekerapan Interaksi Responden M1	90
4.5.2	Laporan Kekerapan Interaksi Responden M2	94
4.5.3	Laporan Kekerapan Interaksi Responden M3	98
4.6	Soalan Kajian 3	100
4.6.1	Analisis Dapatan Pemerhatian	100
4.6.2	Analisis Dapatan Temubual	107
4.6.3	Analisis Dapatan Laporan Sesi Intervensi	112
4.7	Kesimpulan	121

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	123
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	124
5.2.1	Masalah T. Laku Murid Bermasalah Pembelajaran	124
5.2.2	Jenis Aktiviti Seni Yang Disediakan Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran	126
5.2.3	Kesan Intervensi Awal Yang Sesuai Untuk Murid Bermasalah Pembelajaran	129
5.3	Implikasi Kajian	130
5.3.1	Implikasi Kepada Guru Pendidikan Khas	130





5.3.2	Implikasi Kepada Murid Bermasalah Pembelajaran	131
5.3.3	Implikasi Kepada Ibu Bapa	132
5.4	Batasan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	133
5.5	Kesimpulan	135
RUJUKAN		137
LAMPIRAN		143





SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Semak Murid Bermasalah Pembelajaran	60
3.2 Senarai Soalan Temu Bual Guru	62
3.3 Rumusan Pakar Bagi Instrumen Senarai Semak Tingkah Laku Murid	65
3.4 Rumusan Pakar Bagi Instrumen Soalan Temu Bual Guru	66
4.1 Rumusan Masalah Tingkah Laku Responden Kajian Berdasarkan Senarai Semak Tingkah Laku, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Terapi Responden M1	83
4.2 Rumusan Masalah Tingkah Laku Responden Kajian Berdasarkan Senarai Semak Tingkah Laku, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Terapi Responden M2	85
4.3 Rumusan Masalah Tingkah Laku Responden Kajian Berdasarkan Senarai Semak Tingkah Laku, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Terapi Responden M3	87
4.4 Rumusan Kesan Sesi Berasaskan Aktiviti Seni Untuk Membantu Responden Kajian Beerinteraksi Sosial Berdasarkan Senarai Semak Interaksi Sosial, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Aktiviti Responden M1	116
4.5 Rumusan Kesan Sesi Berasaskan Aktiviti Seni Untuk Membantu Responden Kajian Beerinteraksi Sosial Berdasarkan Senarai Semak Interaksi Sosial, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Aktiviti Responden M2	118
4.6 Rumusan Kesan Sesi Berasaskan Aktiviti Seni Untuk Membantu Responden Kajian Beerinteraksi Sosial Berdasarkan Senarai Semak Interaksi Sosial, Temu Bual Responden Guru dan Laporan Sesi Aktiviti Responden M3	120





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kepentingan Intervensi	7
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1 Tahap Perkembangan Artistik	32
3.1 Enam Kemahiran Yang Perlu Dikuasai Penyelidik	47
3.2 Carta Alir Prosedur Kajian	57
4.1 Masalah Tingkah Laku Responden Secara Keseluruhan	72
4.2 Kekerapan Masalah Tingkah Laku Responden Sebelum Intervensi	105
4.3 Kekerapan Masalah Tingkah Laku Responden Selepas Kajian	105
4.4 Peratus Pengurangan Kekerapan Masalah Tingkah Laku Responden Secara Keseluruhan	106





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI SINGKATAN

3PK – Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas

MBK – Murid Berkeperluan Khas

PPKI – Program Pendidikan Kelas Integrasi

KPM – Kementerian Pendidikan Malaysia

RPI - Rancangan Pengajaran Individu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kanak-kanak berkeperluan khas lebih banyak mempunyai cabaran yang mungkin memerlukan rawatan perubatan, terapi, pengajaran atau bantuan tambahan lain kerana sebahagian otak atau tubuh mereka berfungsi dengan cara yang berbeza dengan orang lain (Ellen Sabin, 2007). Cabaran ini boleh bertambah disebabkan oleh keadaan perubahan atau kecederaan pada tubuh badan atau otak seseorang itu. Keadaan ini dikenali sebagai keperluan khas atau ketidakupayaan Menurut Jamila (2005), kanak-kanak berkeperluan khas berbeza dalam aspek ciri-ciri mental, keupayaan sensori atau deria, keupayaan komunikasi, tingkah laku sosial dan ciri-ciri fizikal. Oleh yang demikian kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan modifikasi atau perubahan dalam aktiviti-aktiviti sekolah ataupun perkhidmatan pendidikan khas. Segala





perubahan, modifikasi ini adalah bertujuan mengembangkan potensi diri kanak-kanak khas ke tahap yang optimum dan tidak terabai seperti kanak-kanak normal.

Ada yang memerlukan rawatan khusus kerana sebahagian tubuh mereka tidak dapat berfungsi tanpa bantuan alatan tertentu. Sesetengah pula memerlukan perhatian yang lebih kerana sebahagian otak mereka berfungsi dengan cara yang berbeza. Manakala ada juga yang memerlukan bantuan yang berkaitan dengan pembelajaran. Mereka memahami sesuatu perkara dengan cara yang berbeza dan perlu berusaha lebih untuk belajar berbanding dengan rakan sebaya yang lain. Ada juga yang mengalami masalah emosi. Mereka ini mudah kelihatan seperti berperangai buruk sedangkan pada hakikatnya emosi mereka mudah berasa sedih dan terganggu.

Kehilangan upaya pembelajaran adalah suatu keadaan dimana kanak-kanak itu berada dalam keadaan yang sukar untuk belajar. Mereka perlu menggunakan cara yang berbeza atau pada kelajuan yang lebih perlahan berbanding dengan pelajar biasa.

Sheila & Samsilah (2006) mengkategorikan murid berkeperluan khas adalah kanak-kanak yang memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada murid biasa. Murid berkeperluan khas terbahagi kepada murid bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran Kesimpulan yang dapat menerangkan tentang kanak-kanak berkeperluan khas adalah golongan kanak-kanak yang menghadapi ketidakupayaan yang serius sehingga memberi kesan yang mendalam terhadap kehidupan normal dan pembelajaran serta perkembangan kognitif mereka (Abd. Rahim 2006).

Manakala Mohd. Sharani (2004), menyatakan kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah neurologi hingga menjelaskan pemahaman, penggunaan bahasa, pertuturan, penulisan, berfikir, membaca, menulis, mengeja dan bermatematik. Kanak-kanak lembam pula dikenali





sebagai kanak-kanak yang memerlukan pendidikan kelas pemulihan. Selalunya kanak-kanak ini dikenal pasti pada peringkat awal setelah mendapati tidak dapat menguasai kemahiran membaca menulis dan mengira dalam pendidikan.

Walau bagaimanapun adalah sukar untuk menyediakan garis pemisah yang jelas di peringkat awal perkembangan kanak-kanak antara kanak-kanak normal dengan kanak-kanak lembam kerana permasalahan mereka tidak begitu ketara. Hanya selepas mereka memasuki alam persekolahan permasalahan mereka dapat dikesan (Jamila 2005).

Keupayaan intelektual kanak-kanak ini berada pada tahap sederhana iaitu pada tahap 85 atau lebih di dalam skor ujian saringan kecerdasan. Mereka juga mempunyai masalah dalam memberi perhatian, mengumpul atau memproses maklumat yang diterima di dalam ingatan mereka. Di samping itu, kanak-kanak lembam mudah hilang tumpuan, mudah membuat kesalahan akibat kecuanian, susah untuk menyiapkan tugas dan kepayahan membuat tugas yang berturutan (Jamila 2005).

Disebabkan masalah kurang tumpuan, sukar memproses maklumat, sukar menyiapkan tugas dan lain-lain lagi menyebabkan mereka mempunyai masalah sosial-emosi, kanak-kanak lembam sering mengganggu rakan-rakan. Sehubungan dengan itu adalah menjadi satu tanggungjawab bagi individu yang terlibat secara langsung dengan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas bagi meningkatkan kefungsian mereka pada tahap maksimum.

Penggunaan pelbagai teknik pengajaran serta alatan boleh membantu guru dalam membimbing kanak-kanak ini agar mereka dapat bertindak balas dengan persekitaran (Murphy, 2009). Menurut Mahfuzah (2014), menekankan agar kepentingan pendidikan dalam kehidupan kanak-kanak diberi penekanan dengan memaksimakan sifat berdikari mereka agar dapat menikmati kualiti kehidupan yang





dikehendaki. Kekurangan serta kelebihan yang ada pada diri kanak-kanak boleh dijadikan panduan dalam menghasilkan satu rangka intervensi yang efektif kepada mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan pengesanan pada peringkat awal lagi bagi membolehkan mereka mengikuti suatu sistem persekolahan yang terancang bagi mengembangkan potensi diri mereka. Oleh itu, setiap kanak-kanak perlu diberi intervensi awal iaitu satu program yang tersusun, berstruktur, dan berperingkat. Intervensi awal mendidik kanak-kanak berkeperluan khas dari masa lahir hingga prasekolah. Selain itu juga melibatkan kolaborasi pelbagai disiplin (Zarin, Safani & Soon 2004).

Banyak kajian yang dilakukan mengenai penerimaan ibu bapa kepada kanak-kanak berkeperluan khas mendapati tidak semua ibu bapa dapat menerima kehadiran anak istimewa (Belgrave 1991; Heinmann & Shontz 1992; Linkowski & Dunn 1994 dalam Mohd. Sharani 2004). Stigma sosial dan diskriminasi yang dilemparkan ke atas ibu bapa yang mempunyai anak istimewa seperti suatu sempadan yang menghalang ibu bapa menerima anak mereka. Manakala Nancy (1999), juga dalam Mohd. Sharani (2004) menyatakan bahawa stigma negatif yang dilemparkan oleh masyarakat menyebabkan ibu bapa menjadi takut menerima kenyataan bahawa mereka adalah ibu ataupun bapa kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Olshansky (1992), dalam Mohd. Sharani (2004) telah menyatakan bahawa ibu bapa yang





memiliki kanak-kanak berkeperluan khas merasa tidak mampu melakukan apa-apa demi kesejahteraan anak itu.

Reaksi negatif yang ditunjukkan oleh ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas berhubung kait dengan tahap kehilangan kewibawaan identiti (Whaley & Wong 1991 dalam Mohd. Sharani 2004). Menurut Mohd. Sharani (2004), faktor-faktor seperti terkejut, tidak percaya, hiba, marah, kecewa dan penafian banyak menjelaskan reaksi penerimaan ibu bapa yang mendapat kanak-kanak berkeperluan khas.

Kanak-kanak ini akan bergelut dalam menghadapi masalah bahasa dan komunikasi. Lambat dalam perkembangan bahasa akan menjadi masalah utama kerana ianya asas untuk menguasai kemahiran membaca. Selain itu hubungan sosial mereka dengan rakan sebaya juga akan terganggu.

Kajian ini melibatkan penggunaan kaedah aktiviti seni terhadap kanak-kanak yang menghadapi masalah tingkah laku sosial dalam kategori masalah pembelajaran.

Kaedah ini dipilih sebagai salah satu cara intervensi untuk membantu kanak-kanak ini agar lebih fokus dalam persekitaran mereka di sekolah. Selain itu, aktiviti seni dipilih kerana pengkaji ingin melihat samada kaedah ini berkesan untuk menarik perhatian dan tumpuan kanak-kanak terlibat.

Walaupun begitu, terdapat juga keadaan dimana tingkah laku ini disebabkan oleh faktor yang diluar kawalan mereka. Amatlah penting untuk guru agar dapat memerhati keadaan yang menyebabkan berlakunya tingkah laku yang tidak sesuai itu dan mencari jalan untuk mengubahnya. Jika tingkah laku itu disebabkan oleh masalah kesihatan maka guru perlu merujuk pada mereka yang pakar tentang cara untuk membantu kanak-kanak tersebut.

Seringkali didapati bahawa kanak-kanak yang menghadapi masalah tingkah laku akan menghadapi masalah seperti rasa rendah diri (Sideridis, 2007), keseorangan



, penolakan sosial (Bryan et. al, 2004), mangsa buli dan diskriminasi rakan sebaya (Mischa, 2003) dan amat berisiko untuk gagal di alam persekolahan. Selain itu, kanak-kanak ini turut menghadapi masalah seperti, malu, meragui diri sendiri dan kegagalan untuk memikul cabaran yang terdapat di sekolah (Arthur 2003; Ginieri et al 2013; Mishna and Muskat 2004), yang akhirnya akan membentuk kefahaman bahawa akademik dan situasi sosial di sekolah sebagai satu ancaman terhadap mereka.

Bagi membiasakan diri mereka dengan situasi ini maka kanak-kanak tadi akan belajar untuk mengelak dari menjalani aktiviti dan interaksi dengan rakan yang lain. Tindakan ini bagi mereka akan menghilangkan rasa tidak selesa dan tekanan yang dialami (Chawla and Ostalin, 2007). Tindakan ini sebenarnya akan menghalang kanak-kanak tersebut dari membentuk semangat bekerjasama dalam membina kemahiran dengan rakan sebaya.


Kajian menunjukkan bahawa jika seseorang kanak-kanak itu tidak menjalani program intervensi awal, berkemungkinan akan timbul masalah lain akibat dari kegagalan menangani masalah utama yang dihadapi. Kebanyakan masalah yang timbul akibat dari kegagalan ini berkait rapat dengan tingkah laku anti sosial. Lagi lama masalah ini tidak diuruskan dengan baik, maka lagi banyak masalah yang akan timbul.

Didalam mana-mana kelas terdapat banyak jenis tingkah laku yang dipamerkan oleh kanak-kanak. Sebagai individu, kanak-kanak ini membina cara yang unik untuk bertindakbalas terhadap persekitaran mereka. Kebanyakan tingkah laku ini akan berkembang apabila mendapat maklum balas yang baik dari guru dan rakan sebaya. Terdapat juga tingkah laku yang tidak bersesuaian dengan tahap mereka. Kadang-kadang tingkah laku negatif ini timbul akibat dari sikap ingin mendapat perhatian. Kanak-kanak mungkin mempelajari bahawa cara terbaik untuk mendapat

perhatian dari guru adalah dengan melakukan sesuatu yang tidak disenangi oleh guru tersebut.


Tanpa Intervensi

Kemungkinan Yang Terhasil



Menjalankan Intervensi

Kemungkinan Yang Terhasil



Rajah 1.1. Kepentingan Intervensi

Dari rajah di atas jelas menunjukkan dengan adanya intervensi, peluang seseorang kanak-kanak MBK untuk mengurangkan tingkah laku yang bermasalah yang dihadapi olehnya. Pengurangan tingkah laku yang bermasalah ini amatlah diharapkan bagi membantunya untuk berjaya dalam bidang yang lain pula dan seterusnya membantu beliau dalam hidup.



1.3 Penyataan Masalah

Kajian menunjukkan bahawa tingkah laku semasa kanak-kanak terutamanya melalui pencapaian akademik semasa di sekolah akan memberi kesan terhadap perkembangannya (Mc Leod dan Kaiser, 2004). Guru dan ibubapa juga tidak akan memberi terlalu banyak harapan terhadap kanak-kanak ini berikutan kekurangan dari segi tingkah laku sosial dan akademik (Lackaye dan Margalit 2006; Shifrer, Muller dan Callahan 2011).

Menurut Dudley – Marling (2014), peluang untuk belajar bagi seorang kanak-kanak amat bergantung kepada kebolehannya menerima apa yang diajar. Sebagai contoh, sesetengah pihak mungkin menganggap kanak-kanak yang mempunyai pencapaian rendah mungkin boleh memperbaiki kelemahannya tetapi tidak bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah tingkah laku dalam pembelajaran (Woodcock dan Jiang 2013).

Disebabkan kanak-kanak ini mempunyai masalah tumpuan jangka panjang, mereka dilihat menguasai sesuatu fakta hanya sekadar untuk memuaskan hati guru atau sekadar untuk lulus. Amat penting bagi seorang guru untuk menekankan kepentingan menguasai sesuatu bagi jangka masa panjang (David A. Sousa 2001). Kita selalu mendengar ulasan guru hari ini yang menyatakan kanak-kanak sekarang belajar dengan cara yang berbeza.





Mereka mempunyai tumpuan yang pendek dan mudah menjadi bosan. Walaupun terdiri dari pelbagai keadaan dan diagnosis, namun setiap diagnosis mempunyai keadaan yang amat berbeza. Oleh itu sewajarnya setiap aktiviti seni yang dicadangkan terhadap kanak-kanak ini adalah mengikut keperluan individu dan bukannya keperluan diagnosis secara umum. Menurut Mahfuzah (2014) lagi, pendekatan yang digunakan hendaklah menerapkan unsur pembelajaran dan dijalankan secara menyeluruh mengikut keperluan mereka.

Kaedah perlaksanaan aktiviti boleh dijalankan secara individu maupun berkumpulan.. Memandangkan kajian ini adalah bertujuan untuk melihat berlaku atau tidak pengurangan dalam masalah tingkah laku sosial maka dirasakan lebih berkesan sekiranya aktiviti dilakukan secara berkumpulan.

Sehubungan itu, satu cara yang sesuai perlu digunakan bagi menjadikan kanak-kanak ini lebih berfokus dan memberi tumpuan apabila melakukan sesuatu tugas yang diberikan oleh guru. Berikutan dengan sikap kanak-kanak bermasalah pebelajaran ini sukar untuk kekal lama melakukan sesuatu tugas, tumpuan yang sekejap dan tiada fokus serta kurang gemar untuk menghafal fakta, nombor, membaca dan menulis maka dicadangkan suatu aktiviti yang melibatkan seni sebagai medium untuk mengubah tingkah laku yang bermasalah itu. Penggunaan seni diharapkan dapat memberi ruang dan peluang untuk kanak-kanak ini meluahkan perasaan mereka melalui aktiviti melukis dan mewarna.

Dikatakan bahawa 99% dari apa yang kita belajar datangnya dari deria lihat, dengar, bau, rasa dan merasakan. Ini bermaksud bahawa suasana kelas amatlah penting dan cara guru mengajar juga penting untuk membolehkan pelajar memproses maklumat yang didapati. Tileston (2000) menyatakan bahawa adalah sukar bagi kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran untuk berjaya kecuali jika mereka





diajar dengan cara yang mereka minat. Mereka perlu ‘melihat’ untuk belajar (Donna, 2004).

Proses menghafal sahaja tidak cukup bagi mereka. Kebanyakkan kanak-kanak ini mampu untuk bergerak maju sekiranya guru menggunakan pembelajaran secara visual dalam kelas. Kanak-kanak ini juga menghadapi masalah seperti tidak mampu untuk meyusun proses pembelajaran mereka. Kebergantungan mereka terhadap guru amatlah tinggi (Donna, 2004). Pembelajaran secara kinestetik sesuai untuk kanak-kanak yang memerlukan pergerakan dan pendekatan taktil untuk belajar.

Mereka dapat belajar dengan baik apabila dapat menyentuh dan merasa sendiri maklumat yang diberi. Pembelajaran secara kinestetik ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merasakan sendiri pengalaman yang disediakan oleh guru. Pembelajaran secara auditori merupakan kumpulan terkecil yang ada didalam kelas.

Hanya sekumpulan kecil pelajar sahaja yang mampu belajar secara auditori. Kanak-kanak yang belajar secara auditori merupakan mereka yang mampu mengadaptasi apa yang diajar oleh guru pada setiap masa. Kaedah ini tidak sesuai digunakan bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesan kaedah yang menggunakan aktiviti seni sebagai intervensi awal untuk murid bermasalah pembelajaran yang menghadapi masalah tingkah laku. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat bagi meningkatkan tingkah laku positif dikalangan murid terlibat. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu penyelidik untuk mengkaji jenis aktiviti yang sesuai bagi





membantu mengurangkan masalah tingkah laku bagi murid bermasalah pembelajaran dan seterusnya membantu mereka untuk lebih bersedia dengan aktiviti di sekolah khususnya dan dengan persekitaran secara amnya.

1.5 Objektif Kajian

- 1.6.1 Mengenalpasti masalah tingkah laku di kalangan murid bermasalah pembelajaran
- 1.6.2 Mengenalpasti aktiviti seni yang berkesan bagi membantu murid bermasalah pembelajaran mengurangkan masalah tingkah laku sosial.
- 1.6.3 Mengenalpasti kesan intervensi awal berdasarkan aktiviti seni untuk membantu murid bermasalah pembelajaran untuk mengurangkan masalah tingkah laku.



1.6 Persoalan Kajian

- 1.6.1 Apakah masalah tingkah laku yang sering dihadapi oleh murid bermasalah pembelajaran?
- 1.6.2 Apakah jenis aktiviti seni yang sesuai untuk mengurangkan tingkah laku sosial dikalangan murid bermasalah pembelajaran
- 1.6.3 Adakah intervensi awal melalui aktiviti seni dapat membantu bagi mengurangkan masalah tingkah laku murid bermasalah pembelajaran?





1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk melihat samada aktiviti seni yang digunakan untuk mengurangkan masalah tingkah laku dikalangan murid bermasalah pembelajaran berkesan atau tidak. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat memberi impak yang positif terhadap guru dan murid yang terlibat.

1.7.1 Terhadap murid murid

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak belajar dengan bermain.

Aktiviti bermain ini termasuklah menconteng, mewarna, membina sesuatu dan banyak lagi. Bagi murid bermasalah tingkah laku, diharapkan aktiviti seni yang dijalankan dapat mengurang secara berperingkat masalah tingkah laku yang dihadapi oleh mereka. Selain itu, diharapkan agar aktiviti seni yang dijalankan dapat memberi peluang untuk mereka memberi fokus secara berperingkat dan lebih terarah kepada sesuatu perkara sahaja.

1.7.2 Terhadap Guru

Guru seringkali berhadapan dengan tingkah laku murid yang sentiasa berubah dan bermacam ragam. Tingkah laku yang ditunjukkan seringkali akan menimbulkan masalah terhadap guru, rakan sebaya dan perjalanan kelas yang ada. Penggunaan aktiviti seni akan





membolehkan guru untuk bereksperimen dengan sesuatu yang baru, menarik, mudah dan murah.

Pelbagai cara boleh digunakan untuk mewujudkan aktiviti yang menarik. Bahan yang digunakan juga boleh didapati dengan mudah dan juga boleh menggunakan bahan kitar semula. Selain itu, murid mempunyai kebebasan untuk melahirkan kreativiti mereka. Tumpuan yang diberikan oleh murid kepada aktiviti yang dijalankan diharapkan dapat mengurangkan tingkah laku yang tidak bersesuaian.

1.7.3 Terhadap Ibu Bapa



Mempunyai dan menguruskan anak yang mempunyai masalah tingkah laku adalah suatu yang amat mencabar bagi ibu bapa. Kekurangan pengetahuan bagaimana menguruskan anak istimewa ini boleh menjadikan masalah yang sedia ada akan menjadi semakin besar. Aktiviti seni menawarkan suatu aktiviti mudah, menarik dan dengan kos yang murah untuk dijalankan oleh ibubapa.

Tidaklah sukar bagi ibu bapa sekiranya mereka menjadikan aktiviti seni di rumah sendiri sebagai suatu kesinambungan aktiviti di sekolah. Oleh itu, aktiviti seni boleh dijadikan sebagai salah satu cabang terapi untuk membantu anak-anak mereka mengurangkan masalah yang dihadapi.






1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan terhadap sekumpulan tiga orang murid dari kelas bermasalah pembelajaran di sekolah terpilih Daerah Kuala Muda/Yan. Pemilihan murid adalah berdasarkan diagnosa terhadap mereka yang diperakui oleh pegawai perubatan. Jumlah sampel yang dikaji adalah kecil supaya mudah untuk menjalankan prosedur pengumpulan data. Sebanyak enam sesi pengumpulan data akan dijalankan bagi sampel yang terpilih. Kajian ini terbatas terhadap masalah tingkah laku yang menimbulkan masalah didalam kelas sahaja.

Selain itu, laporan guru yang terlibat dalam pengajaran bersama murid ini juga boleh dijadikan sumber data untuk pengkaji. Rekod peribadi murid juga boleh digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai tingkah laku murid sepanjang mereka berada di sekolah.



1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2, kajian bermula dengan mengenalpasti masalah tingkah laku yang dihadapi oleh murid bermasalah pembelajaran di sekolah lokasi kajian. Sampel dipilih berdasarkan cadangan guru pendidikan sekolah tersebut. Setelah sampel dikenalpasti, aktiviti yang bersesuaian di rangka bagi murid tersebut. Terdapat enam aktiviti yang disediakan yang berkaitan dengan aktiviti seni. Antara aktiviti yang disediakan ialah aktiviti mewarna batu (mandala), melukis dan mewarna tapak tangan



secara individu dan berkumpulan, mewarna topeng, mewarna corak dan mewarna gambar. Penggunaan bahan yang menarik adalah perlu bagi menarik minat murid untuk melakukan aktiviti tersebut.

Bahan dan aktiviti yang menarik ini bertindak sebagai rangsangan bagi menggalakkan murid melakukan aktiviti yang disediakan. Ini bertepatan dengan Teori Tingkah Laku Skinner (1953, dalam Ragbir Kaur Joginder Singh, 2010), yang menyatakan bahawa perubahan pada tingkah laku individu itu adalah hasil daripada tindak balas kepada rangsangan-rangsangan yang diterima daripada persekitaran mereka.

Manakala menurut Teori Artistik Lowenfeld pula, setiap kanak-kanak dipercayai kreatif sejak dilahirkan. Kanak-kanak mempunyai sifat semulajadi suka meneroka dunia sekeliling mereka kerana mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi (Yahya, 2008). Bagi individu yang mempunyai kesukaran dalam bahasa dan pergerakan fizikal sehingga membataskan mereka untuk mengekspresi diri, kreativiti menjadi satu cara yang membolehkan mereka untuk memperbetulkan keadaan.

Seni bukanlah sekadar mencoret, melukis, mewarna sahaja. Seni juga mempunyai kesan yang positif untuk kesejahteraan hidup, juga cara untuk mengurangkan tekanan dan juga medium untuk berkomunikasi (Moor, 2002).

Di dalam keadaan ini, melukis memberi kanak-kanak keupayaan untuk menguasai penuh terhadap media, objek objek dan situasi yang mewakili mereka di dalam gambar. (Eve C .Jarboe, 2002) Kebanyakan orang dari pelbagai peringkat umur mempunyai kebolehan untuk meluahkan perasaan mereka melalui permainan dan seni. Mereka juga mempunyai kebolehan untuk keluar dari aktiviti ini, untuk





mencerminkan diri mereka dan untuk mencipta idea baru yang menuju kepada kebaikan (Eve C .Jarboe, 2002).

Kesemua aktiviti ini adalah berdasarkan teori yang dipilih iaitu Teori Pelaziman Tingkah Laku Skinner (1953) dan Teori Artistik Lowenfeld (1963). Adalah menjadi harapan penyelidik agar dengan aktiviti yang disediakan akan memberikan perubahan tingkah laku murid yang dikaji.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional kajian ini akan menerangkan dengan jelas berkaitan dengan pemboleh ubah yang dikaji.



1.10.1 Aktiviti Seni

Aktivit seni merupakan satu prosedur aktiviti yang direka untuk membantu perubahan personaliti yang dikehendaki atau dalam kehidupan yang akan melangkaui sesi itu sendiri. Aktiviti adalah satu operasi yang khusus di dalam sesebuah program yang bersama-sama dengan aktiviti-aktiviti yang lain di bawah program yang sama dapat membantu mencapai matlamat program berkenaan.

Mengikut *British Association of Art Therapy*, penggunaan aktiviti seni sebagai terapi adalah satu bentuk psikoterapi yg menggunakan media seni sebagai alat utama untuk ekspresi dan komunikasi.





Melalui aktiviti seni, kanak-kanak dapat menzahirkan kemahiran bertindak balas melalui proses yang kreatif. Selain itu aktiviti ini juga boleh membina kesedaran diri, kemahiran bersosial dan pengurusan tingkah laku yang lebih bermakna.

American Art Therapy Association pula mendefinisikan aktiviti seni sebagai satu proses integrasi antara kesihatan mental dan perkhidmatan yang diberikan oleh manusia untuk menjadikan kehidupan individu, keluarga dan komuniti lebih bermakna.

Aktiviti seni menggunakan proses kreatif dalam menambahbaik dan menyempurnakan fizikal, mental dan emosi individu di semua peringkat umur. Konsep dalam penggunaan aktiviti seni dapat memberi ruang untuk individu meluahkan aspek dalam diri melalui imaginasi smulajadi dan spontan yang membawa kepada pencapaian personal dan transformasi (Anoviyanti, (2008).

Aktiviti seni direka berlandaskan kepercayaan bahawa proses melahirkan kreativiti boleh mententeramkan jiwa seseorang.(Mok Soon Sang, 2012 d). Kanak-kanak pada kebiasaannya tidak pandai menunjukkan perasaan dengan kata kata. Mereka menzahirkan gangguan emosi yang dialami melalui kelakuan.

Jika dilihat pada sistem persekolahan kita, ianya adalah kerangka asas bagi pembentukan terapi emosi untuk kanak-kanak bekeperluan khas (French&Klein, 2012). Penggunaan aktiviti seni merupakan salah satu alat penghubung bagi membolehkan kanak-kanak ini berinteraksi dengan persekitaran mereka dengan lebih berkesan. Tetapi, hubungan antara individu





dan emosi dalam konteks system pendidikan berdepan dengan pelbagai cabaran (Glassman&Prasad, 2013)

Tingkah laku meneroka diri dan dunia sekeliling dan mewujudkan perhubungan antara keduanya, juga satu titik pertemuan untuk dunia secara dalaman dan luaran. Seni adalah keperluan dalaman individu yang akan didedahkan, serupa seperti pemikir terdahulu yang menekankan kepada kepentingan lukisan dan kreativiti untuk perkembangan seorang kanak-kanak itu.

Seni juga merupakan satu aktiviti yang boleh menggalakkan pembinaan keupayaan sosial dan emosi. Secara intrinsik, seni boleh menghilangkan tekanan, memberi kebebasan secara berdisiplin, mewakilkan idea perasaan yang dilarang, mewujudkan sesuatu yang tak dapat dilhat secara fizikal dan menghasilkan idea yang tidak dapat dizahirkan dengan perkataan (Judith, 2010).

Oleh itu boleh dinyatakan bahawa aktiviti seni merupakan satu aktiviti yang boleh dirancang secara sistematik mengikut kesesuaian dan keperluan seseorang kanak kanak itu dengan memfokuskan kepada proses penyembuhan secara dalaman yang diharapkan akan berkekalan dan seterusnya merangsang kepada perkembangan yang sesuai terhadap kanak kanak tersebut.

1.10.2 Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran

Terdapat pebagai definisi tentang masalah pembelajaran. Kepelbagaiannya wujud disebabkan oleh bidang ini kian berkembang, unik dan mempunyai ciri-





ciri semulajadi yang menarik untuk dihalusi (Hardman, Drew & Egan, 2005). Ringkasnya, kanak-kanak bermasalah pembelajaran merujuk kepada mereka yang menghadapi masalah dalam menguasai bahasa, pertuturan, membaca, menulis, menaakul dan mengira disebabkan oleh sistem saraf terutama otak yang tidak berfungsi.

Kementerian Pelajaran Malaysia mentakrifkan kanak-kanak bermasalah pembelajaran sebagai kanak-kanak yang gagal di sekolah, iaitu mereka yang tidak dapat mempelajari subjek yang dipelajari dengan mudah oleh kanak-kanak sebaya pada sesuatu peringkat persekolahan. Sebelum ini istilah 'lembam' diguna pakai namun istilah ini digantikan dengan istilah kanak-kanak bermasalah pembelajaran untuk kebaikan perkembangan psikologi anak. Apabila dikaitkan dengan ujian IQ (kecerdasan), kanak-kanak bermasalah pembelajaran mempunyai IQ diantara 80-90.

tbupsi

Mengikut Buku Panduan Pengoperasian Pendidikan Khas Integrasi Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah mereka yang mempunyai masalah neurologi. Ianya berkaitan dengan cara otak menerima, memproses, menganalisis dan menyimpan maklumat. Masalah pembelajaran merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis. Kecelaruan ini boleh menjelaskan keupayaan mendengar, berfikir, bertutur, membaca, menulis, mengeja dan mengira. Masalah pembelajaran termasuklah masalah pembelajaran akademik, bahasa, ingatan, sosioemosi, kemahiran motor dan koordinasi serta hiperaktif.





Kanak-kanak bermasalah pembelajaran merupakan kanak-kanak yang telah dikenalpasti dan disahkan oleh pakar profesional klinikal sebagai mengalami kecacatan yang menganggu proses pembelajaran. Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsian kanak-kanak seperti kebolehan kognitif, tingkahlaku sosial/perkembangan sosial, penguasaan bahsa lisan/pertuturan, penguasaan membaca, kemahiran perkembangan (developmental skills), kemahiran matematik.

Terdapat banyak ciri-ciri kanak-kanak bermasalah pembelajaran. Antara ciri-ciri yang mungkin dapat menolong pakar-pakar diagnostik dan guru-guru dalam mengenalpasti dan mengajar kanak-kanak yang bermasalah pembelajaranialah melalui:pemerhatian terhadap ciri-ciri fizikal dimana bentuk badan dan ko-ordinasi motor kanak-kanak ini tidak banyak berbeza dengan kanak-kanak normal. Walaubagaimanapun kanak-kanak yang mempunyai rendah keupayaan mental yang disebabkan oleh faktor – faktor organik adalah lebih kecil bentuk badan berbanding dengan kanak-kanak biasa.

Selain itu melalui ciri-ciri intelek, terdapat kelewatan dalam perkembangan kematangan dan fungsi-fungsi intelek yang tertentu yang diperlukan dalam perkembangan di sekolah. Sebagai contohnya,mereka mempunyai rendah daya ingatan, kebolehan dalam bidang pengamatan dn perkONSEPAN dan kebolehan berbentuk kreatif. Kesediaan belajar dan keupayaan menerima pelajaran bagi kanak-kanak bermnasalah pembelajaran tidak sama dengan kanak-kanak biasa. Contohnya, mereka hanya dapat mempelajari apa yang dipelajari apa yang dipelajari oleh kanak-kanak biasa berumur 6 tahun pada peringkat umur 8 tahun atau lebih.





Melalui ciri-ciri sosial dan peribadi mereka mempunyai bidang perhatian yang singkat atau kurang tumpuan terhadap sesuatu. Mudah kecewa disebabkan pengalaman kegagalan yang berulang-ulang hasil daripada pengharapan masyarakat supaya mereka berfungsi sesuai dengan umur kronologi mereka. Sikap dan nilai mereka tidak selaras dengan tingkah laku kanak-kanak biasa. Minat mereka adalah selaras dengan kanak-kanak yang mempunyai mental yang sama dengan mereka.

1.10.3 Tingkah Laku Sosial

Menurut Ahmad Tarmizi (2011), tingkah laku merujuk kepada respon perbuatan, persembahan dan prestasi seseorang yang boleh diukur dan dilihat

apabila individu berkenaan menerima rangsangan. Murid yang mempunyai tingkah laku bermasalah mempunyai sikap yang tidak boleh diduga kerana mungkin terlalu aktif, suka mengusik orang lain, mudah marah, merajuk, tidak boleh menerima kegagalan dan tidak boleh memberi tumpuan.

Tingkah laku sosial merujuk kepada sebarang tingkah laku yang yang boleh merosakan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya di dalam bilik darjah. Kajian terhadap masalah murid sekolah ini membawa kepada dua pecahan utama tingkah laku sosial murid bermasalah iaitu, positif dan negatif. Tingkah laku bermasalah positif yang dikenal pasti seperti perlakuan ingin tahu, cepat belajar, pintar cerdas dan proaktif. Manakala untuk tingkah laku bermasalah negatif pula ialah perlakuan distruktif iaitu tingkah laku anti sosial, tingkah laku mengganggu dan akhirnya tingkah laku bergantung yang berlebihan.





Secara umumnya masalah tingkah laku atau disiplin bagi murid-murid masalah pembelajaran mempunyai ciri-ciri tertentu. Antara ciri-ciri yang ada pada murid-murid yang bermasalah tingkah laku ialah penumpuan yang singkat, memencil dan menarik diri daripada aktiviti kelas, terlalu bergantung kepada seseorang, tidak mesra dengan guru dan orang lain, gopoh dan tidak sabar, motivasi kendiri rendah, agresif, melanggar perintah, sentiasa mempunyai perasaan negatif, memberi jawapan sesuka hati, kurang kemahiran mengawal emosi, perlakuan hiperaktif dan sering resah serta kurang kepercayaan terhadap kebolehan diri.

Tingkah laku negatif adalah apa sahaja perlakuan yang mengganggu proses pembelajaran yang sedang berlangsung di dalam bilik darjah termasuklah yang bertujuan untuk mendapatkan perhatian tidak kira sama ada secara positif ataupun negatif. Tiwi Kamidin (2004), pula menjelaskan bahawa individu yang mempunyai tingkah laku negatif akan sentiasa mengganggu dan menjelaskan kelincinan perjalanan pengajaran dalam kelas, malah turut melakukannya di luar bilik darjah sama ada terhadap adik-beradik atau rakan sebaya yang lain.

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan latar belakang, pernyataan masalah serta tujuan kajian dijalankan. Begitu juga dengan objektif dan persoalan telah diterangkan bagi memudahkan perjalanan kajian ini. Manakala kepentingan kajian juga telah dinyatakan dan kerangka konsep telah menjelaskan proses kajian ini akan dijalankan.





Kesimpulannya, penyelidik berpendapat bahawa aktiviti seni yang dirancang terhadap murid yang menjadi sampel kajian dapat memberikan impak yang positif.

Selain itu di harapkan juga agar aktiviti yang dijalankan dapat merangsang mereka agar dapat memberikan tumpuan ketika pengajaran dan pembelajaran berjalan. Di samping itu juga ,penyelidik akan melihat sejauh manakah aktiviti seni yang dijalankan dapat meningkatkan kefungsian sensori mereka.

